



Baru-baru ini telah berlangsung Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan (SPDK) peringkat kebangsaan 2015 di auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ke-29.

Program anjuran Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) dengan kerjasama DBP dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKNN) itu telah


diadakan setiap tahun sejak 1987.

Kali ini, 19 peserta mewakili negeri seluruh Malaysia termasuk institut pengajian tinggi awam (IPTA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah berentap di peringkat akhir.

Bagi IPGM, ia merupakan kali pertama institusi berkewangan menyertai pertandingan tersebut.

Program ini juga merupakan inisiatif Gapena, DBP dan JKNN untuk mengiktiraf deklamator negara di peringkat nasional.

Menarik mengenai pertandingan kali ini adalah format baharu yang mana menampilkan



Sayembara puisi iktiraf deklamator negara

lima peserta 'top five'.

Ia sebagai penjenamaan semula oleh penganjur untuk memberi nafas baharu kepada SPDK.

Antara peserta yang terlibat menerusi SPDK ke-27 ini adalah Amir Sanusi Mat Desa (Perlis), Mohd Alizan Mat Rasat (Kuala Lumpur) dan Faizul Izuddin Razali (Pahang).

Juara milik Muhammad Shahrin

Tuah memihak kepada pegawai kebudayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Muhammad Shahrin Haron apabila dinobatkan sebagai johan SPDK kali ini.

Mendeklamasikan puisi *Isilah Kemerdekaan Ini*, dia dilihat menyampaikan karya A. Rahim Abdullah itu dengan cukup bergaya dan berjaya menambat hati juri terlibat.

Mempunyai pengalaman sebanyak tujuh kali di pentas kebangsaan bermula pada tahun 1997, penyampaiannya kali ini cukup matang dan mantap yang membuktikan dia wajar bergelar juara SPDK ke-29 dan menewaskan peserta lain.

Menerusi kemenangan itu, Muhammad Shahrin menerima piala pusingan mantan Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, wang tunai RM 5,000, sijil penyertaan dan hadiah iringan.

Sementara naib

johan pula menjadi milik peserta 'underground' Muhammad Safwan Mohd Yusof menerusi puisi, *Zikir Merdeka* yang melayakkan dia menerima wang tunai berjumlah RM 3,000.

Pencapaian terbaik ini merupakan percubaan kali kedua Muhammad Safwan selepas ke podium kebangsaan tahun lalu.

Sementara itu tempat ketiga berpilih kepada Fairuzan Abdul Majid yang melayakkan dia membawa wang kemenangan berjumlah RM2,000.

Fairuzan yang juga ahli Persatuan Penulis Negeri Melaka (Penama) antara peserta yang mencatat rekod terbanyak iaitu sepuluh kali penyertaan di peringkat kebangsaan.

Sebelum melayakkan diri ke peringkat akhir, semua peserta wajib melalui

proses saringan yang diadili oleh lima juri profesional terdiri daripada Hamzah Hamdani (ketua juri), Marzuki Ali, Dr Ahmad Razali Yusof, Datuk Zaiton Ajmain dan Jasni Matlani.

Juri pada malam akhir pula dipertanggungjawabkan kepada Hamzah Hamdani (ketua juri), Datuk Dr Rahman Shaari, Prof Dr Lim Swee Tin, Sasterawan Negara, Datuk Dr Zurinah Hassan dan Marzuki Ali.

Hadiyah kemenangan disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Che Azemi Haron.

Turut hadir, Ketua Satu Gapena, Prof. Datuk Wira Dr Abdul Latiff Abu Bakar dan Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, DBP, Datuk Sallehuddin Abang Shokerman.

16-17 OKTOBER 2015

